

## PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN KOLEKSI

### Fungsi Bahagian Pemuliharaan

- Mengurus pemuliharaan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia menerusi pengawetan, penjilidan dan pembaikan untuk memastikan warisan intelek negara dipelihara secara terancang untuk kegunaan dan rujukan masa kini dan akan datang.
- Memantau pemeliharaan, pemuliharaan dan penyelenggaraan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.
- Meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan mengenai penyelenggaraan dan pemuliharaan bahan perpustakaan.

### Aktiviti Bahagian Pemuliharaan

#### i. Pemuliharaan Manuskrip Melayu

- Bahagian Pemuliharaan bertindak sebagai pusat pemuliharaan manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia. Terdapat 2 teknik pemuliharaan Manuskrip Melayu yang dijalankan iaitu:-

##### a) Teknik Pembaikan Tisu

Pembaikan manuskrip Melayu melalui teknik ini menggunakan kertas "*Japanese Kozo Tisu*" atau "*Machine Made Roll Tissues*". Kebanyakan manuskrip dibaik pulih secara teknik ini oleh kerana fizikal manuskrip yang berkeadaan reput dan rapuh kertasnya serta mempunyai tulisan dakwat kembang.



Penyahasidan kering



Pembaikan tisu dengan sapuan CM

b) Teknik Pembaikan "*Leafcasting*"

Proses pembaikan manuskrip ini adalah dengan menggunakan kertas "*Bodlien Hand Made*" yang dijadikan sebagai serat bagi tujuan untuk menutupi lubang-lubang pada bahan. Kebiasaannya manuskrip yang menggunakan teknik ini terdiri daripada manuskrip yang masih kuat ketahanan kertasnya serta dakwat tulisannya tidak mudah kembang atau luntur.



Mesin Leafcasting

## ii. Pembaikan Bahan Nadir/Bahan Bercetak/Koleksi Peribadi

- Aktiviti membaik pulih bahan nadir, bahan bercetak dan koleksi peribadi. Bahan-bahan bercetak ini merupakan bahan terbitan yang berusia 50 tahun ke atas dan tidak diulang cetak. Pembaikan bahan nadir ini merupakan proses membaiki dan membaik pulih bahan kepada hampir ke bentuk asalnya, tanpa merubah keseluruhan asal bahan.



Pembaikan tisu ke atas bahan Nadir



Pemeliharaan koleksi mikrofilem

### iii. Jilidan dan Tinta

- Aktiviti jilidan ialah kerja memperkukuh bahan perpustakaan yang dilakukan dengan menyusun dan melekatkan dengan kuat di antara dua kulit yang rata dengan menggunakan bahan jilidan yang bersesuaian. Aktiviti jilidan ini juga merangkumi memperbaiki kulit depan naskhah dan menjilid bahan



Teknik jahitan jilid



Teknik meninta

#### iv. Aktiviti Pemeliharaan dan Penyelenggaraan Bahan Perpustakaan

- Aktiviti yang dijalankan ini merupakan aktiviti pemeliharaan dan kawalan persekitaran bagi tujuan memastikan suhu dan kelembapan persekitaran yang bersesuaian bagi penyimpanan koleksi perpustakaan melalui lawatan pemeriksaan berjadual. Berikut adalah piawaian (*standard*) suhu dan kelembapan yang digunakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia:

| JenisBahan         | Suhu         | Kelembapan   |
|--------------------|--------------|--------------|
| Manuskrip          | 15.5°C -20°C | 45% - 50%Rh  |
| Buku/BahanBercetak | 18°C -22°C   | 50% - 55% Rh |
| Media Magnetik     | 16°C -20°C   | 40% - 45% Rh |
| Media Elektronik   | 16°C -20°C   | 40% - 45% Rh |

## v. Khidmat Nasihat, Perundingan dan Latihan

- Bahagian Pemuliharaan, Perpustakaan Negara Malaysia memberi perkhidmatan khidmat nasihat dan perundingan dalam bidang berkaitan pemuliharaan bahan perpustakaan, pelan persediaan menghadapi bencana, pameran dan demonstrasi pembaikan.
- Selain dari itu, Bahagian Pemuliharaan juga terlibat dalam membantu melaksanakan latihan dan aktiviti demonstrasi sebagai langkah promosi mendidik dan memberi kesedaran tentang pentingnya pemeliharaan dan pemeliharaan bahan/koleksi.



Aktiviti demonstrasi Dr.Buku di sekolah



Khidmat Nasihat Pemeliharaan dan Pemuliharaan



Aktiviti latihan dan kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi